14/05/2002

Tekanan kian berganda buat Israel akhiri konflik

SINAR di hujung terowong yang selama ini dicari-cari rakyat Palestin ke arah penubuhan sebuah negara berdaulat dan merdeka, masih jauh daripada kelihatan. Lebih daripada itu, perkembangan terbaru memungkinkan derita yang berlarutan. Lewat kelmarin, parti Likud pimpinan Perdana Menteri Israel, Ariel Sharon, menolak penubuhan sebuah tanah air Palestin. Keputusan itu yang dilihat sebagai satu kekalahan kepada Sharon di tangan bekas pemimpin berhaluan kanan, Benjamin Netanyahu, sebenarnya membawa maksud kekalahan lebih besar kepada perjuangan rakyat Palestin. Keputusan undian parti Likud itu hanya akan merumitkan lagi sebarang usaha bagi memulakan proses damai Asia Barat.

Kesatuan Eropah (EU) adalah yang terawal menyatakan kekesalan terhadap perkembangan berkenaan. Amerika Syarikat selaku sekutu terkuat Israel pula sekadar membisu. Di sebalik semua itu, pergerakan Hamas memperbaharui ikrar untuk melancarkan serangan terhadap Israel tanpa mempedulikan tekanan daripada pihak berkuasa Palestin supaya menghentikan serangan berani mati mereka. Selagi Israel terus menduduki tanah milik Palestin, sebarang bentuk penentangan tidak boleh diharapkan berakhir - demikian bunyi ancaman mereka. Andainya setiap serangan mereka disusuli tindak balas Israel sebagaimana lazimnya, bagaimana mungkin pergolakan yang sudah banyak menyaksikan pertumpahan darah boleh diharap akan berpenghujung dalam tempoh terdekat ini.

Barangkali tiada siapa yang mencemburui Yasser Arafat. Ketika arahan dikeluarkannya supaya pasukan keselamatannya menghalang Hamas dan pertubuhan bersenjata Palestin lain daripada melancarkan serangan berani mati terhadap rakyat Israel, rakyatnya sendiri menganggap beliau tunduk kepada desakan kuasa besar. Pada masa sama, Amerika turut terikut-ikut rentak Israel kononnya Arafat tidak melakukan secukupnya dalam membendung keganasan. Hanya didorong provokasi kecil, Israel tidak akan berlengah melancarkan peluru berpandunya. Malah, berikutan serangan berani mati terbaru yang membunuh 16 orang minggu lalu, Israel sudah pun menghimpunkan kereta kebal dan tenteranya di luar sempadan Gaza bagi mengulangi keganasan di Tebing Barat. Mujurlah kebocoran maklumat mengenai rancangan serangan berkenaan menghindarkan kekejaman mereka buat seketika.

Sejak Palestin melancarkan pemberontakan al-Aqsa, 19 bulan lalu, bagi membantah pendudukan Israel di sebahagian besar kawasan Tebing Barat dan Semenanjung Gaza di luar kawasan penduduk dan khemah pelarian yang ditetapkan kawasan autonomi, sekurang-kurangnya 1,349 warga Palestin dan 474 penduduk Yahudi maut dalam keganasan. Mengambil kira senario berkenaan, usaha Malaysia untuk mendesak Amerika supaya mencari rumusan politik bagi menamatkan sengketa Israel-Palestin dalam usaha membawa keamanan berkekalan di rantau Asia Barat, harus amat bertepatan. Pelan damai sudah pun ada dalam bentuk saranan Putera Mahkota Abdullah Abdul Aziz dari Arab Saudi supaya Tel Aviv menyerahkan semua wilayah Palestin yang didudukinya dan sebagai balasan, Israel berhak untuk wujud sebagai sebuah negara merdeka. Inilah yang bakal dibangkitkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam pertemuan dengan Presiden George W Bush di Rumah Putih esok.

Pendirian Malaysia bahawa keganasan tidak akan dapat mengatasi sengketa Israel-Palestin bukan hanya dikongsi negara Islam, malah turut sealiran dengan kebanyakan negara Eropah. Lebih daripada itu, bukanlah rahsia bahawa pasukan keselamatan dan rakyat Israel sendiri sentiasa dalam

keadaan amat bimbang terhadap ancaman pengebom berani mati yang semakin ramai. Desakan semakin lantang daripada pelbagai pertubuhan Israel yang membantah pendudukan wilayah Palestin selain memberi peluang kepada proses damai diusahakan. Bantahan besar-besaran 50,000 penduduk Israel di Tel Aviv kelmarin menjadi bukti lanjut. Selagi Israel berkeras bahawa tindakan ketenteraannya adalah tindak balas manakala rakyat Palestin juga berasa bertanggungjawab mempertahankan maruah diri serta negara yang diidamkan mereka, kedua-dua pihak sebenarnya memberi kemenangan kepada keganasan sambil keamanan yang dicitakan kekal dalam kesuraman.

(END)